

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data kajian dan perbentangannya meliputi profil responden diikuti dengan analisis tentang gangguan emosi dan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan lazim digunakan bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Manakala statistik inferensi iaitu ujian-t, ANOVA satu-hala, kolerasi Pearson dan regresi berganda digunakan bagi menguji hipotesis kajian.

4.2 Interpretasi Skor Min

Bagi menjawab persoalan kajian tentang tahap gangguan emosi dan tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan di kalangan pelajar, maka interpretasi skor min seperti berikut digunakan.

4.2.1 Interpretasi Skor Min Tahap Gangguan Emosi

Interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap gangguan emosi di kalangan pelajar adalah seperti dalam jadual 4.1 di bawah.

JADUAL 4.1: Interpretasi skor Min Tahap Gangguan Emosi Pelajar

Skor Min	Intrepasi
1.00 hingga 2.33	Sedikit Terganggu
2.34 hingga 3.66	Terganggu
3.67 hingga 5.00	Sangat Terganggu

Jadual 4.1 menunjukkan interpretasi skor min bagi menentukan tahap gangguan emosi yang dihadapi oleh pelajar tingkatan empat. Skor min 1.00 hingga 2.33 (sedikit terganggu) menunjukkan pernyataan atau aspek tersebut sebagai sedikit terganggu iaitu yang jarang-jarang dihadapi oleh pelajar. Skor min 2.34 hingga 3.66 (terganggu) menunjukkan pernyataan atau aspek tersebut sebagai masalah harian yang sering mengganggu emosi. Manakala skor min 3.67 hingga 5.00 (sangat terganggu) menunjukkan pernyataan atau aspek tersebut sebagai gangguan emosi yang serius yang menjadi beban yang sukar diatasi.

4.2.2 Interpretasi Skor Min Tahap Kekerapan Tingkahlaku Kenakalan

Interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap kekerapan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan adalah seperti dalam jadual 4.2 di bawah.

JADUAL 4.2: Interpretasi skor Min Tahap Kekerapan Penglibatan Pelajar Dalam Tingkahlaku Kenakalan.

Skor Min	Intrepasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Jadual 4.2 menunjukkan interpretasi skor min bagi menentukan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan yang dilakukan oleh pelajar tingkatan empat. Skor min 1.00 hingga 2.33 (rendah) bermakna pelajar itu tidak pernah atau jarang-jarang melakukannya. Skor min 2.34 hingga 3.66 (sederhana) bermakna pelajar tersebut melakukan diperingkat kadang-kadang dan kerapkali. Manakala skor min 3.67 hingga 5.00 (tinggi) ia satu tingkahlaku yang serius dan menjadi masalah utama yang perlu diberi perhatian.

4.3 Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada 300 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah dalam daerah Zon Sentul, Kuala Lumpur. Profil lengkap responden adalah seperti dalam Jadual 4.3.

JADUAL 4.3: Profil Responden

Latar Belakang		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki Perempuan	177 123	59.0 41.0
Bangsa	Melayu Cina India Lain-lain	179 75 42 4	59.7 25.0 14.0 1.3
Tempat tinggal	Asrama Rumah	85 215	28.3 71.7
Keluarga	Rendah Sederhana Tinggi	129 120 51	43.0 40.0 17.0
Sekolah	SMK Segambut Jaya SM Agama K. Lumpur SMK Batu 5, K.Lumpur SMK BBS, Sentul	76 79 79 66	25.3 26.3 26.3 22.1

Jadual 4.3 menunjukkan profil lengkap pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 300 orang pelajar telah menjawab soal selidik. 177 orang adalah pelajar lelaki dan 123 orang adalah pelajar perempuan. Pelajar Melayu seramai 179 orang (59.7%) manakala bukan Melayu seramai 121 orang (40.3%) yang terdiri dari kaum Cina 75 orang (25.0%), kaum India 42 orang (14.0%) dan

lain-lain kaum 4 orang (1.3%). Bilangan pelajar berdasarkan tempat tinggal didapati pelajar yang tinggal di asrama 85 orang (28.3%) dan yang tinggal di rumah 215 orang (71.7%).

Bilangan pelajar berdasarkan pendapatan ibu bapa, 129 orang (43%) adalah pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, 120 orang (40%) dari ibu bapa berpendapatan sederhana dan 51 orang (17%) dari ibu bapa berpendapatan tinggi. Untuk tujuan kajian ini indek pendapatan keluarga diambil berdasarkan pendapatan ketua keluarga samada bapa atau ibu atau yang mana lebih tinggi .

Responden merupakan pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya 76 orang (25.3%), Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur 79 orang (26.3%), Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5 seramai 79 orang (26.3%) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul seramai 66 orang (22.0%).

4.4 Tahap Gangguan Emosi Pelajar Secara keseluruhan

Faktor-faktor yang menyumbang kepada gangguan emosi telah dilihat dari enam aspek iaitu aspek peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan aspek persekitaran. Hasil analisis tahap gangguan emosi adalah seperti jadual 4.4.

JADUAL 4.4: Tahap Gangguan Emosi Pelajar Secara Keseluruhan

Punca Gangguan Emosi	Frekuensi Dan Peratus			Skor Min Keseluruhan	Tahap Bimbang Keseluruhan	Rank
	(Sedikit Terganggu)	(Terganggu)	(Sangat Terganggu)			
Persekutuan Ran	89 (29.7%)	163 (54.3%)	48 (16.0%)	2.751	Terganggu	1
Akademik dan sekolah	94 (31.3%)	195 (65.0%)	11 (3.7%)	2.634	Terganggu	2
Peribadi	123 (41.0%)	173 (57.7%)	4 (1.3%)	2.417	Terganggu	3
Rakan Sebaya	157 (52.3%)	135 (45.0%)	8 (2.7%)	2.344	Terganggu	4
Akhlik Dan Agama	242 (80.7%)	54 (18.0%)	4 (1.3%)	1.943	Sedikit Terganggu	5
Ibu bapa dan Keluarga	242 (80.7%)	54 (18.0%)	4 (1.3%)	1.839	Sedikit Terganggu	6
Gangguan Emosi Keseluruhan	150 (50.0%)	149 (49.9%)	1 (0.3%)	2.341	Terganggu	

Jadual 4.4 menunjukkan tahap gangguan emosi pelajar bagi keseluruhan faktor ialah 2.341. Berdasarkan jadual tersebut didapati min tahap gangguan emosi bagi faktor persekitaran ialah 2.751, min bagi faktor akademik dan sekolah ialah 2.634, min bagi faktor peribadi ialah 2.417, min bagi faktor rakan sebaya ialah 2.344, min bagi faktor akhlak dan agama ialah 1.943, min bagi faktor ibu bapa dan keluarga ialah 1.839. Merujuk kepada jadual interpretasi min (jadual 4.4) tahap gangguan emosi bagi keseluruhan punca berada pada tahap terganggu dan secara terperinci didapati faktor persekitaran, faktor akademik dan sosial, faktor peribadi, faktor rakan sebaya menunjukkan

tahap terganggu manakala faktor akhlak dan sosial dan faktor ibu bapa dan keluarga berada pada tahap sedikit terganggu.

Frekuensi dan peratusan gangguan emosi dari keseluruhan faktor didapati seramai 150 orang (50.0%) mengalami gangguan emosi pada tahap sedikit terganggu, 149 orang (49.9%) pada tahap terganggu dan hanya 1 orang (0.3%) pada tahap emosi sangat terganggu. Bagi faktor persekitaran didapati seramai 89 orang (29.7%) mengalami gangguan emosi pada tahap sedikit terganggu, 163 orang (54.3%) tahap terganggu dan 48 orang (16.0%) berada pada tahap sangat terganggu. Bagi faktor akademik dan sekolah didapati seramai 94 orang (31.3%) mengalami gangguan emosi pada tahap sedikit terganggu, 195 orang (65.0%) tahap terganggu dan 11 orang (16.0%) pada tahap sangat terganggu. Bagi faktor peribadi didapati seramai 123 orang (41.0%) mengalami gangguan emosi pada tahap sedikit terganggu, 173 orang (57.7%) tahap terganggu dan 4 orang (1.3%) pada tahap sangat terganggu. Bagi faktor rakan sebaya didapati seramai 157 orang (52.3%) menghadapi gangguan emosi pada tahap sedikit terganggu, 135 orang (45.0%) menghadapi tahap terganggu dan 8 orang (2.7%) pada tahap emosi sangat terganggu. Bagi faktor akhlak dan agama didapati seramai 242 orang (80.7%) mengalami gangguan emosi pada tahap emosi sedikit terganggu, 54 orang (18.0%) pada tahap terganggu dan 4 orang (1.3%) pada tahap sangat terganggu dan bagi faktor ibu bapa dan keluarga seramai 242 orang (80.7%) mengalami tahap emosi pada tahap sedikit terganggu, 54 orang pada tahap terganggu dan 4 orang (1.3%) pada tahap sangat terganggu.

Berdasarkan urutan pemeringkatan tahap gangguan emosi dengan merujuk kepada min didapati gangguan emosi dari faktor persekitaran merupakan aspek yang utama diikuti oleh akademik dan sekolah, peribadi, rakan sebaya, akhlak dan agama dan faktor ibu bapa dan keluarga.

4.5 Tahap Tingkahlaku Kenakalan Pelajar Secara Keseluruhan

Terdapat sembilan aspek tingkahlaku kenakalan pelajar dalam kajian ini. Sembilan aspek tersebut ialah tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan penglibatan dalam jenayah seks. Hasil analisa tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dapat dilihat dalam jadual 4.5.

JADUAL 4.5: Tahap Penglibatan Tingkahlaku Kenakalan Secara Keseluruhan.

Tingkahlaku Kenakalan Remaja	Frekuensi Dan Peratus			Skor Min Keseluruhan	Tahap Penglibatan Keseluruhan	Rank
	(Rendah)	(Sederhana)	(Tinggi)			
Tidak pentingkan Masa	231 (77.0%)	59 (19.7%)	10 (3.3%)	1.818	Rendah	1
Tidak Kemas Diri	94 (31.3%)	37 (12.3%)	1 (0.3%)	1.577	Rendah	2
Kurang Sopan & Biadab	123 (41.0%)	24 (8.0%)	3 (1.0%)	1.473	Rendah	3
Ponteng dan lari dari rumah	157 (52.3%)	12 (4.0%)	1 (0.3%)	1.365	Rendah	4
Tingkahlaku lucah	242 (80.7%)	11 (3.7%)	2 (0.7%)	1.302	Rendah	5
Tingkahlaku musnah	242 (80.7%)	15 (5.0%)	- -	1.267	Rendah	6
Tingkahlaku jenayah	150 (50.0%)	3 (1.0%)	1 (0.3%)	1.232	Rendah	7
Jenayah Sex	293 (96.7%)	5 (1.7%)	2 (0.7%)	1.167	Rendah	8
Tidak jujur dan menipu	290 (96.7%)	8 (2.7%)	2 (0.7%)	1.177	Rendah	9
Keseluruhan	289 (96.3%)	11 (3.7%)	- -	1.375	Rendah	.

Jadual 4.5 menunjukkan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan secara keseluruhan. Berdasarkan jadual tersebut didapati min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi tingkahlaku tidak mementingkan masa ialah 1.818, min bagi tingkahlaku tidak kemaskan diri ialah 1.577, bagi tingkahlaku kurang sopan dan biadab ialah 1.473, bagi tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah ialah 1.365, tingkahlaku lucah ialah 1.302, bagi tingkahlaku musnah ialah 1.267, bagi tingkahlaku jenayah ialah 1.232, bagi

tingkahlaku jenayah seks ialah 1.167 dan tingkahlaku tidak jujur dan menipu 1.177. Min bagi keseluruhan punca bagi tingkahlaku kenakalan ialah 1.375.

Merujuk kepada jadual interpretasi min (jadual 4.5) didapati semua aspek tingkahlaku kenakalan berada pada tahap rendah.

Dari segi frekuensi dan peratusan tingkahlaku keseluruhannya didapati seramai 289 orang (96.3%) melakukannya pada tahap rendah dan hanya 11 orang (3.7%) melakukannya berada pada tahap sederhana. Namun demikian bagi setiap kategori tahap kenakalan tidak mementingkan masa seramai 231 orang (77.0%) dalam tahap rendah, 59 orang (19.7%) terlibat pada tahap sederhana dan 10 orang (3.3%) terlibat pada tahap tinggi. Bagi tingkahlaku tidak kemas diri seramai 94 orang (31.3%) melakukan pada tahap rendah, 37 orang (12.3%) pada tahap sederhana dan 1 orang (0.3%) pada tahap tinggi. Bagi tingkahlaku kurang sopan dan biadab 123 orang (41.0%) melakukan pada tahap rendah, 24 orang (8.0%) pada tahap sederhana dan 3 orang (1.0%) pada tahap tinggi, bagi tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah seramai 157 orang (52.3%) melakukannya pada tahap rendah, 12 orang ((4.0%) pada tahap sederhana dan 1 orang (0.3%) pada tahap tinggi, bagi tingkahlaku lucah seramai 242 orang (80.7%) melakukannya pada tahap rendah, 11 orang (3.7%) pada tahap sederhana dan 2 orang (0.7%) pada tahap tinggi, bagi tingkahlaku musnah seramai 242 orang (80.7%) melakukan pada tahap rendah, 15 orang (5.0%) pada tahap sederhana, bagi tingkahlaku jenayah seramai 150 orang (50.0%) melakukannya pada tahap rendah, 3 orang berada pada tahap sederhana dan 1 orang berada pada tahap tinggi, bagi tingkahlaku jenayah seks seramai 293

orang (96.7%) melakukannya pada tahap rendah, 5 orang (1.7%) pada tahap sederhana dan 2 orang (0.7%) pada tahap tinggi dan tingkahlaku tidak jujur dan menipu seramai 290 orang (96.7%) melakukannya pada tahap rendah, 8 orang (2.7%) pada tahap sederhana dan 2 orang (0.7%) pada tahap tinggi.

Berdasarkan urutan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dengan merujuk skor min didapati tingkahlaku tidak mementingkan masa menunjukkan penglibatan yang paling tinggi diikuti dengan tingkahlaku tidak kemas diri, berkelakuan kurang sopan dan biadab, ponteng dan lari dari rumah, tingkahlaku lucah, tingkahlaku musnah, kes jenayah, jenayah seks dan kes tidak jujur dan menipu.

4.6 Perbandingan Tahap Gangguan emosi

Perbandingan tahap gangguan emosi pelajar adalah berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan tahap pendapatan ibu bapa. Analisis kajian adalah seperti berikut:

4.6.1 Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Berdasarkan Jantina.

Jadual 4.6 menunjukkan perbandingan skor min tahap gangguan emosi antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan bagi menjawab hipotesis bagi setiap faktor-faktor berikut; iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak

dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan faktor keseluruhan.

Ho. 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

JADUAL 4.6: Keputusan Ujian-t Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Antara pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan.

Aspek Gangguan Emosi	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Peribadi	Lelaki Perempuan	177 123	2.334 2.536	.560 .465	-3.398	0.001**
Ibumpa dan Keluarga	Lelaki Perempuan	177 123	1.771 1.937	.618 .576	-2.360	0.019*
Akhlik Dan Agama	Lelaki Perempuan	177 123	1.908 1.994	.614 .596	-1.210	0.227
Rakan Sebaya	Lelaki Perempuan	177 123	2.287 2.401	.591 .694	-1.534	0.126
Akademik dan Sekolah	Lelaki Perempuan	177 123	2.583 2.708	.622 .610	-1.732	0.084
Persekutuan	Lelaki Perempuan	177 123	2.723 2.792	.917 .816	-0.668	0.505
Gangguan Emosi Keseluruhan	Lelaki Perempuan	177 123	2.267 2.395	.492 .449	-2.283	0.023*

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.6 didapati perbandingan skor min gangguan emosi bagi semua faktor antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan, nilai-t ialah -2.283, dan keberangkalian $p=0.023$ ($p<0.05$). Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan

emosi bagi keseluruhan punca antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari semua faktor antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki menghadapi gangguan emosi pada tahap yang berbeza berbanding dengan pelajar perempuan. Skor min keseluruhan bagi pelajar perempuan adalah ($\text{min}=2.395$) lebih tinggi daripada skor min pelajar lelaki ($\text{min}=2.267$). Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan menghadapi gangguan emosi yang lebih tinggi dari pelajar lelaki.

Analisis secara terperinci bagi setiap faktor yang menyebabkan gangguan emosi menunjukkan nilai-t bagi perbandingan skor min faktor peribadi ialah 3.398 dan keberangkalian $p= 0.001$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi hasil dari faktor peribadi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap gangguan emosi yang berbeza dari segi faktor peribadi. Skor min gangguan emosi dari faktor peribadi pelajar perempuan ($\text{min}=2.536$) lebih tinggi daripada pelajar lelaki ($\text{min}=2.334$). Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan menghadapi gangguan emosi yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Perbandingan gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga menunjukkan nilai-t 2.360 dan tahap keberangkalian $p=0.019$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi hasil dari faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap

gangguan emosi yang berbeza. Skor min gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga pelajar perempuan ($\text{min}=1.937$) lebih tinggi daripada pelajar lelaki ($\text{min}=1.771$). Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan menghadapi gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -1.210 , dan keberangkalian $p=0.227$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki menghadapi gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama yang sama dengan pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor rakan sebaya antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -1.534 , dan keberangkalian $p=0.126$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor rakan sebaya antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki menghadapi gangguan emosi dari faktor rakan sebaya yang sama dengan pelajar perempuan.

Nilai-t perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -1.732 , dan tahap keberangkalian ialah $p=0.084$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak

terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki menghadapi gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah yang sama dengan pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor persekitaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ialah -0.668 , dan keberangkalian $p=0.505$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor persekitaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki menghadapi gangguan emosi dari faktor persekitaran yang sama dengan pelajar perempuan.

Berdasarkan dapatan ini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor peribadi dan faktor ibu bapa. Manakala pelajar perempuan menghadapi gangguan emosi lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

4.6.2 Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Mengikut Etnik.

Jadual 4.7 menunjukkan perbandingan skor min tahap gangguan emosi antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu bagi menjawab hipotesis bagi setiap faktor-faktor berikut, iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak

dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan faktor keseluruhan.

Ho.2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu

JADUAL 4.7: Ujian-t Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Antara Pelajar Melayu Dan Bukan Melayu.

Punca Gangguan emosi	Bangsa	Bilangan	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Peribadi	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.439 2.383	.510 .563	0.889	.375
Ibubapa dan Keluarga	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.792 1.909	.582 .635	-1.615	.108
Akhlik Dan Agama	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.887 2.026	.564 .659	-1.897	.059
Rakan Sebaya	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.407 2.225	.670 .591	2.461	.014*
Akademik dan sekolah	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.748 2.467	.589 .627	3.948	.000**
Persekitaran	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.932 2.484	.860 .834	4.482	.000**
Gangguan Emosi Keseluruhan	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.367 2.249	.449 .517	2.122	.035*

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.7 didapati nilai-t bagi punca keseluruhan ialah 2.122, dan keberangkalian $p=0.035$ ($p<0.05$). Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi bagi keseluruhan punca antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi dari

keseluruhan punca antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi dari keseluruhan punca pada tahap yang berbeza dengan pelajar bukan Melayu. Skor min bagi pelajar Melayu ialah ($\text{min}=2.367$) lebih tinggi daripada skor min pelajar bukan Melayu ($\text{min}=2.249$). Ini menunjukkan bahawa pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi bagi keseluruhan punca lebih tinggi dari pelajar bukan Melayu.

Analisis secara terperinci bagi setiap punca gangguan emosi menunjukkan nilai-t perbandingan skor min dari faktor peribadi ialah 0.889 dan keberangkalian $p= 0.375$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi dari faktor peribadi antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap gangguan emosi yang sama dari segi faktor peribadi.

Perbandingan gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga menunjukkan nilai-t -1.615 dan keberangkalian $p=0.108$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap gangguan emosi yang sama dari faktor ibu bapa dan keluarga.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu ialah –

1.897, dan keberangkalian $p=0.59$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama yang sama dengan pelajar bukan Melayu.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor rakan sebaya antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu ialah 2.461, dan keberangkalian $p=0.014$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor rakan sebaya antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi dari faktor rakan sebaya yang berbeza dengan pelajar bukan Melayu. Skor min faktor rakan sebaya pelajar Melayu ($\text{min}=2.407$) iaitu lebih tinggi dari pelajar bukan Melayu ($\text{min}=2.225$). Ini bermakna pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar bukan Melayu dalam faktor rakan sebaya.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu ialah 3.948, dan keberangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah yang berbeza dengan pelajar bukan Melayu. Skor min faktor rakan sebaya pelajar Melayu ($\text{min}=2.748$) iaitu lebih tinggi dari pelajar bukan Melayu ($\text{min}=2.467$). Ini

bermakna pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar bukan Melayu dalam faktor akademik dan sekolah.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi disebabkan oleh faktor persekitaran antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu ialah 0.4482, dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi akibat dari faktor persekitaran antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi disebabkan faktor persekitaran yang berbeza dengan pelajar bukan Melayu. Skor min faktor persekitaran pelajar Melayu ($\text{min}=2.932$) iaitu lebih tinggi dari pelajar bukan Melayu ($\text{min}=2.484$). Ini bermakna pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar bukan Melayu.

Berdasarkan dapatan ini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi disebabkan faktor rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran. Pelajar Melayu menghadapi gangguan emosi lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

4.6.3 Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Berdasarkan Tempat Tinggal.

Jadual 4.8 menunjukkan perbandingan skor min tahap gangguan emosi antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama bagi menjawab hipotesis bagi setiap faktor berikut, iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan

agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan faktor keseluruhan.

Ho.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama.

JADUAL 4.8: Ujian-t Perbandingan Tahap Gangguan emosi Antara Pelajar Asrama Dan Bukan Asrama.

Punca Gangguan emosi	Tempat Tinggal	Bilangan	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Peribadi	Asrama Rumah	85 215	2.432 2.411	.597 .505	.289	0.773
Ibumapa dan Keluarga	Asrama Rumah	85 215	1.642 1.917	.566 .605	-3.604	0.000**
Akhlik Dan Agama	Asrama Rumah	85 215	1.771 2.011	.560 .613	-3.131	0.002**
Rakan Sebaya	Asrama Rumah	85 215	2.422 2.299	.595 .650	1.508	0.133
Akademik dan sekolah	Asrama Rumah	85 215	2.765 2.583	.575 .630	2.310	0.022*
Persekutaran	Asrama Rumah	85 215	3.004 2.651	.881 .856	3.194	0.002**
Gangguan Emosi Keseluruhan	Asrama Rumah	85 215	2.339 2.312	.437 .494	0.448	0.654

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.8 didapati nilai-t bagi punca keseluruhan ialah 0.448, dan kebarangkalian p=0.654 ($p>0.05$). Ini bermakna Hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap gangguan emosi antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama diterima. Secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi antara

pelajar asrama dengan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama menghadapi gangguan emosi pada tahap yang sama dengan pelajar bukan asrama.

Analisis secara terperinci bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor peribadi ialah 0.289 dan kebarangkalian $p= 0.773$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi disebabkan faktor peribadi antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama.

Gangguan emosi dari faktor ibu bapa dan keluarga menunjukkan nilai-t - 3.604 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi akibat dari faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar asrama dan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap gangguan emosi yang berbeza disebabkan faktor ibu bapa dan keluarga. Skor min faktor ibu bapa dan keluarga bagi pelajar asrama ($\text{min}=1.642$) dan pelajar bukan asrama ($\text{min}=1.917$). Ini bermakna pelajar bukan asrama menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar asrama dengan bukan asrama ialah -3.131, dan kebarangkalian $p=0.002$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama antara pelajar asrama dengan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama

menghadapi gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama yang berbeza dengan pelajar bukan asrama. Skor min dari faktor akhlak dan agama bagi pelajar asrama ($\text{min}=1.771$) dan pelajar bukan asrama ($\text{min}=2.011$). Ini bermakna pelajar bukan asrama menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor rakan sebaya antara pelajar asrama dengan bukan asrama ialah 1.508, dan kebarangkalian $p=0.133$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi disebabkan faktor rakan sebaya antara pelajar asrama dengan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama menghadapi gangguan emosi dari faktor rakan sebaya yang sama dengan pelajar bukan asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar asrama dengan bukan asrama ialah 2.310, dan kebarangkalian $p=0.022$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi disebabkan faktor akademik dan sekolah antara pelajar asrama dengan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama menghadapi gangguan emosi dari faktor akademik dan sekolah yang berbeza dengan pelajar bukan asrama. Skor min faktor rakan sebaya pelajar asrama ($\text{min}=2.765$) iaitu lebih tinggi dari pelajar bukan asrama ($\text{min}=2.583$). Ini bermakna pelajar asrama menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar bukan asrama dari faktor akademik dan sekolah.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi dari faktor persekitaran antara pelajar asrama dengan bukan asrama ialah 3.194, dan kebarangkalian $p=0.002$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi disebabkan faktor persekitaran antara pelajar asrama dengan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama menghadapi gangguan emosi dari faktor persekitaran yang berbeza dengan pelajar bukan asrama. Skor min faktor persekitaran pelajar asrama ($\text{min}=3.004$) iaitu lebih tinggi dari pelajar bukan asrama ($\text{min}=2.651$). Ini bermakna pelajar asrama menghadapi gangguan emosi lebih tinggi berbanding pelajar bukan asrama.

Berdasarkan dapatan ini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi disebabkan dari faktor ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran. Pelajar asrama menghadapi gangguan emosi lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

4.6.4 Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa.

Jadual 4.9 menunjukkan perbandingan skor min bagi tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi bagi menjawab hipotesis bagi setiap faktor-faktor berikut, iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan faktor keseluruhan.

berpendapatan sederhana ialah 2.264 dan bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi ialah 2.208. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai peringkat pendapatan keluarga ialah 4.905 dan kebarangkalian $p=0.008$ ($p<0.05$). Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi pelajar dari pelbagai peringkat pendapatan ibu bapa. Untuk melihat perbandingan tahap gangguan emosi di antara tahap pendapatan ibu bapa, ujian Scheffe dilakukan. Keputusan ujian adalah seperti jadual 4.10.

JADUAL 4.10: Keputusan Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Antara Pelajar Yang Ibu Bapanya Berpendapatan Rendah, Sederhana dan Tinggi.

Tahap Pendapatan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah			
Sederhana	*		
Tinggi	*		

* Signifikan pada alpha .05

Berdasarkan jadual 4.10, keputusan ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Skor min tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya pendapatan rendah ialah ($\text{min}=2.415$) lebih tinggi daripada skor min pelajar yang ibu bapa berpendapatan sederhana ($\text{min}=2.264$). Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan

pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana. Perbandingan skor min bagi ibu bapa berpendapatan rendah ialah ($\text{min}=2.415$) lebih tinggi berbanding skor min ibu bapa berpendapatan tinggi ($\text{min}= 2.208$). Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Tidak terdapat perbezaan dalam tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi.

Analisis secara terperinci terhadap faktor gangguan emosi menunjukkan skor min faktor peribadi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 2.507, ibu bapa berpendapatan sederhana ialah 2.360 dan ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 2.320. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai tahap pendapatan ibu bapa ialah 3.427 dan kebarangkalian $p=0.034$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari faktor peribadi bagi pelbagai tahap pendapatan ibu bapa. Untuk melihat perbandingan tahap gangguan emosi di antara pelbagai tahap pendapatan ibu bapa, ujian Scheffe dilakukan. Keputusan ujian adalah seperti jadual 4.10.1.

JADUAL 4.10.1: Keputusan Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Bagi Faktor Pribadi Antara Pelajar Yang Ibu Bapanya Berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

Tahap Pendapatan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah			
Sederhana			
Tinggi	*		

* Signifikan pada alpha .05

Berdasarkan jadual 4.10.1, Keputusan ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Skor min tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya pendapatan rendah ($\text{min}=2.507$) adalah lebih tinggi daripada skor min pelajar yang ibu bapa berpendapatan tinggi ($\text{min}=2.320$). Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi dari faktor peribadi adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Tidak terdapat perbezaan dalam tahap gangguan emosi dari faktor peribadi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi.

Perbandingan skor min faktor ibu bapa dan keluarga bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.994, ibu bapa berpendapatan sederhana ialah 1.780 dan ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.587. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai tahap pendapatan ibu bapa ialah 9.750 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi bagi faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan keluarga. Untuk melihat perbandingan tahap gangguan emosi di antara pelbagai tahap pendapatan ibu bapa, ujian Scheffe dilakukan. Keputusan ujian adalah seperti jadual 4.12.

JADUAL 4.10.2:Keputusan Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Bagi faktor Ibu Bapa Dan Keluarga Antara Pelajar Yang Ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

Tahap Pendapatan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah			
Sederhana	*		
Tinggi	**		

* Signifikan pada alpha .05

** Signifikan pada alpha .05

Berdasarkan jadual 4.10.2, terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi disebabkan faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Skor min tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.944 lebih tinggi daripada skor min pelajar yang ibu bapa berpendapatan sederhana 1.780. Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana. Perbandingan skor min bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.944 lebih tinggi berbanding skor min ibu bapa berpendapatan tinggi 1.587. Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Tidak terdapat perbezaan dalam tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi.

Skor min faktor akhlak dan agama bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 2.051, ibu bapa berpendapatan sederhana ialah 1.895 dan ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.780. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai tahap pendapatan ibu bapa ialah 4.345 dan kebarangkalian $p=0.014$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi bagi faktor ibu bapa dan keluarga antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan keluarga. Untuk melihat perbandingan tahap gangguan emosi di antara pelbagai tahap pendapatan ibu bapa, ujian Scheffe dilakukan. Keputusan ujian adalah seperti jadual 4.13.

JADUAL 4.10.3: Keputusan Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Gangguan Emosi Pelajar Faktor Akhlak dan Agama Dari Ibu Bapa Berpendapatan Rendah, Sederhana dan Tinggi.

Tahap Pendapatan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah			
Sederhana			
Tinggi	*		

* Signifikan pada alpha .05

Berdasarkan jadual 4.10.3, terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi bagi faktor akhlak dan agama antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Skor min gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapanya pendapatan rendah ialah 2.051 lebih tinggi daripada skor min pelajar yang ibu bapa berpendapatan tinggi 1.895. Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi dari faktor akhlak dan agama yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Tidak terdapat perbezaan dalam tahap gangguan emosi

dari faktor akhlak dan agama bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi.

Skor min faktor rakan sebaya bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 2.428, ibu bapa berpendapatan sederhana ialah 2.328 dan ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 2.234. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi disebabkan faktor rakan sebaya antara pelajar dari pelbagai peringkat pendapatan keluarga ialah 2.934 dan kebarangkalian $p=0.055$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi akibat dari faktor rakan sebaya antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan ibu bapa.

Skor min tahap gangguan emosi akibat dari faktor akademik dan sekolah bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 2.705, ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 2.608 dan ibu bapa yang berpendapatan tinggi ialah 2.518. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai tahap pendapatan ibu bapa ialah 1.872 dan kebarangkalian $p=0.156$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi akibat dari faktor akademik dan sekolah antara pelajar dari pelbagai peringkat pendapatan keluarga.

Skor min faktor perkitaran bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 2.806, ibu bapa berpendapatan sederhana ialah 2.707 dan ibu

bapa berpendapatan tinggi ialah 2.716. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap gangguan emosi disebabkan faktor rakan sebaya antara pelajar dari pelbagai peringkat pendapatan keluarga ialah 0.441 dan kebarangkalian $p=0.644$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi akibat dari faktor persekitaran antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan ibu bapa.

Rumusan dari ujian ini didapati faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama dan faktor keseluruhan punca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi dari pelbagai tahap pendapatan ibu bapa. Tidak terdapat perbezaan tahap gangguan emosi bagi faktor rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran. Skor min juga menunjukkan tahap gangguan emosi bagi pelajar yang ibu bapa berpendapatan rendah lebih tinggi daripada pendapatan ibu bapa berpendapatan sederhana dan tinggi.

4.7 Perbandingan Tahap Tingkahlaku Kenakalan Pelajar

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan adalah berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan tahap pendapatan ibu bapa. Analisis kajian adalah seperti berikut:

4.7.1 Perbandingan Tahap Kenakalan Pelajar Berdasarkan Jantina.

Jadual 4.11 menunjukkan perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan bagi menjawab hipotesis bagi setiap aspek berikut, iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah, jenayah seks dan aspek keseluruhan.

- Ho.5. tidak terdapat perbezaan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar lelaki dan perempuan

JADUAL 4.11: Keputusan Ujian-t Perbandingan Tahap Kenakalan Antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan.

Aspek Kenakalan	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Tingkahlaku Jenayah	Lelaki Perempuan	177 123	1.314 1.115	.429 .232	5.158	.000**
Tingkahlaku Lucah	Lelaki Perempuan	177 123	1.392 1.173	.589 .397	3.834	.000**
Kekemasan diri	Lelaki Perempuan	177 123	1.657 1.462	.658 .554	2.772	.006**
Tidak Mementing Masa	Lelaki Perempuan	177 123	1.976 1.592	.892 .634	4.364	.000**
Kurang Sopan Dan Biadab	Lelaki Perempuan	177 123	1.598 1.294	.624 .496	4.703	.000**
Tingkahlaku Musnah	Lelaki Perempuan	177 123	1.375 1.116	.535 .297	5.298	.000**
Tidak Jujur dan Menipu	Lelaki Perempuan	177 123	1.246 1.077	.525 .264	3.655	.000**
Ponteng Dan Lari Rumah	Lelaki Perempuan	177 123	1.419 1.288	.472 .477	2.358	.019*
Jenayah Seks	Lelaki Perempuan	177 123	1.233 1.071	.452 .225	4.091	.000**
Keseluruhan	Lelaki Perempuan	177 123	1.493 1.243	.423 .312	5.284	.000**

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.11 didapati perbandingan skor min tahap kenakalan bagi semua aspek antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan menunjukkan nilai-t 5.254 dan kebarangkalian p=0.000 (p<0.05). Dengan ini hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar lelaki dan

perempuan ditolak. Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Skor min keseluruhan aspek tingkahlaku kenakalan pelajar lelaki ($\text{min}=1.493$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.243$). ini bermakna penglibatan pelajar lelaki dalam keseluruhan aspek tingkahlaku kenakalan adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan aspek tingkahlaku jenayah ialah 5.158 dan kebarangkalian $p= 0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap penglibatan dalam tingkahlaku jenayah yang berbeza. Skor min tahap penglibatan pelajar lelaki ($\text{min}=1.314$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.115$). Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar lelaki lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku lucah ialah 3.834 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku lucah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap penglibatan dalam tingkahlaku lucah yang berbeza. Skor min tingkahlaku lucah pelajar lelaki ($\text{min}=1.392$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.173$). Ini

bermakna bahawa penglibatan pelajar lelaki dalam aspek tingkahlaku lucah lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Perbandingan tingkahlaku kenakalan dari aspek kekemasan diri menunjukkan nilai-t 2.772 dan kebarangkalian $p=0.006$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam aspek kekemasan diri antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza dari segi aspek kekemasan diri. Skor min aspek kekemasan diri pelajar lelaki ($\text{min}=1.657$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.462$). Ini bermakna penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku tidak kemas diri lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Perbandingan tingkahlaku kenakalan dari aspek tidak mementingkan masa menunjukkan nilai-t 4.364 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak mementingkan masa antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza. Skor min aspek tidak mementingkan masa pelajar lelaki ($\text{min}=1.976$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.592$). Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab menunjukkan nilai-t 4.703 dan

kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap tingkahlaku kurang sopan dan biadab yang berbeza. Skor min aspek kurang sopan dan biadab pelajar lelaki ($min=1.598$) lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($min=1.294$). Ini bermakna penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah menunjukkan nilai-t 5.298 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek tingkahlaku musnah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap tingkahlaku musnah yang berbeza. Skor min aspek tingkahlaku musnah pelajar lelaki ialah 1.375 iaitu lebih tinggi daripada pelajar perempuan 1.116. Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku musnah lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak jujur dan menipu menunjukkan nilai-t 3.655 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek tingkahlaku tidak jujur dan menipu antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap tingkahlaku tidak jujur dan menipu yang

berbeza. Skor min aspek tingkahlaku tidak jujur dan menipu pelajar lelaki ($\text{min}=1.246$) iaitu lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.077$). Ini bermakna bahawa penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku tidak jujur dan menipu lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah menunjukkan nilai-t 2.358 dan kebarangkalian $p=0.019$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek ponteng dan lari dari rumah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap ponteng dan lari dari rumah yang berbeza. Skor min aspek ponteng dan lari dari rumah pelajar lelaki ($\text{min}=1.419$) iaitu lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.288$). Ini bermakna penglibatan pelajar lelaki dalam ponteng dan lari dari rumah lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam jenayah seks menunjukkan nilai-t 4.091 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek jenayah seks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai tahap jenayah seks yang berbeza. Skor min tahap jenayah seks pelajar lelaki ($\text{min}=1.233$) iaitu lebih tinggi daripada pelajar perempuan ($\text{min}=1.071$). Ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan pelajar lelaki dalam jenayah seks lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

Pada keseluruhannya, terdapat perbezaan dalam semua aspek tingkahlaku kenakalan iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan jenayah seks antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam semua aspek tingkahlaku kenakalan tahap penglibatan pelajar lelaki adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan.

4.7.2 Perbandingan Tahap Kenakalan Pelajar Berdasarkan Etnik.

Jadual 4.12 menunjukkan perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu bagi menjawab hipotesis bagi setiap aspek berikut, iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah, jenayah seks dan aspek keseluruhan.

Ho.6. tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu

JADUAL 4.12: Keputusan Ujian-t Perbandingan Tahap Kenakalan Antara Pelajar Melayu Dan Pelajar Bukan Melayu.

Aspek Kenakalan	Etnik	Bil.	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Tingkahlaku Jenayah	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.233 1.231	.387 .353	.040	.969
Tingkahlaku Lucah	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.343 1.242	.511 .552	1.613	.108
Kekemasan diri	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.688 1.411	.642 .559	3.961	.000**
Tidak Mementing Masa	Melayu Bukan Melayu	179 121	2.062 1.459	.819 .673	6.968	.000**
Kurang Sopan Dan Biadab	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.609 1.273	.597 .530	5.123	.000**
Tingkahlaku Musnah	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.351 1.143	.494 .400	4.012	.000**
Tidak Jujur dan Menipu	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.210 1.128	.467 .406	1.602	.110
Ponteng Dan Lari Rumah	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.450 1.240	.467 .468	3.821	.000**
Jenayah Seks	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.177 1.151	.329 .454	.587	.558
Semua aspek	Melayu Bukan Melayu	179 121	1.458 1.253	.386 .381	4.533	.000**

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.12 didapati Skor min untuk semua aspek menunjukkan nilai-t 4.533 dan kebarangkalian p=0.000 ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu ditolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi keseluruhan aspek tingkahlaku

kenakalan antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Skor min bagi semua aspek tingkahlaku kenakalan pelajar Melayu ($\text{min}=1.458$) lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu ($\text{min}=1.253$). Ini bermakna penglibatan pelajar Melayu dalam semua aspek tingkahlaku kenakalan lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Analisis yang lebih terperinci mendapati nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah ialah 0.040 dan kebarangkalian $p=0.969$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan penglibatan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu dalam tingkahlaku jenayah adalah sama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku luah dan lari dari rumah menunjukkan nilai-t 1.613 dan kebarangkalian $p=0.108$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku luah antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap penglibatan dalam tingkahlaku luah yang sama.

Perbandingan tingkahlaku kenakalan dari aspek kekemasan diri menunjukkan nilai-t 3.961 kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek

kekemasan diri antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza dari segi aspek kekemasan diri. Skor min tingkahlaku kenakalan aspek tidak kekemasan diri pelajar Melayu ($\text{min}=1.688$) lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu ($\text{min}=1.411$). Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar Melayu dalam tingkahlaku tidak kemas diri lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Perbandingan tingkahlaku kenakalan dari aspek tidak mementingkan masa menunjukkan nilai-t 6.968 kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak mementingkan masa antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza. Skor min aspek tidak mementingkan masa pelajar Melayu ($\text{min}=2.062$) lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu ($\text{min}=1.459$). Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar Melayu dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Perbandingan tingkahlaku kurang sopan dan biadab menunjukkan nilai-t 5.123 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap tingkahlaku kurang sopan dan biadab yang berbeza. Skor min aspek kurang sopan dan biadab

pelajar Melayu ($\text{min}=1.609$) lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu ($\text{min}=1.273$). Ini bermakna penglibatan pelajar Melayu dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah menunjukkan nilai-t 4.012 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p>0.05$). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek tingkahlaku musnah antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap tingkahlaku musnah yang sama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak jujur dan menipu menunjukkan nilai-t 1.613 dan kebarangkalian $p=0.602$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek tingkahlaku tidak jujur dan menipu antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap tingkahlaku tidak jujur dan menipu yang sama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah menunjukkan nilai-t 3.821 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam aspek ponteng dan lari dari rumah antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap ponteng dan lari dari rumah yang

berbeza. Skor min aspek ponteng dan lari dari rumah pelajar Melayu ($\text{min}=1.450$) lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu ($\text{min}=1.240$). Ini bermakna penglibatan pelajar Melayu dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku seks menunjukkan nilai-t 0.587 dan kebarangkalian $p=0.558$ ($p>0.05$). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam jenayah seks antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mempunyai tahap jenayah seks yang sama.

Pada keseluruhannya, terdapat perbezaan dalam aspek tingkahlaku berikut; iaitu kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah dan tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dalam semua aspek tingkahlaku kenakalan yang menunjukkan terdapat perbezaan, tahap penglibatan pelajar Melayu adalah lebih tinggi daripada bukan Melayu. Manakala dalam aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah dan tingkahlaku seks menunjukkan tahap penglibatan yang sama.

4.7.3 Perbandingan Tahap Kenakalan Pelajar Berdasarkan Tempat Tinggal.

Jadual 4.13 menunjukkan perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar asrama dengan pelajar bukan asrama bagi menjawab hipotesis bagi setiap aspek-aspek berikut, iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan jenayah seks.

Ho.7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama

JADUAL 4.13: Keputusan Ujian-t Perbandingan Tahap Kenakalan Antara Pelajar Asrama Dan Pelajar Bukan Asrama.

Aspek Kenakalan	Tempat Tinggal	Bil.	Min	Sisihan Lazim	Nilai-t	p
Tingkahlaku Jenayah	Asrama Rumah	85 215	1.270 1.218	.298 .400	1.088	.277
Tingkahlaku Lucah	Asrama Rumah	85 215	1.388 1.268	.413 .566	1.776	.077
Kekemasan diri	Asrama Rumah	85 215	1.819 1.481	.657 .585	4.354	.000**
Tidak Mementing Masa	Asrama Rumah	85 215	2.409 1.585	.848 .677	8.008	.000**
Kurang Sopan Dan Biadab	Asrama Rumah	85 215	1.724 1.374	.558 .580	4.771	.000**
Tingkahlaku Musnah	Asrama Rumah	85 215	1.532 1.617	.551 .386	5.679	.000**
Tidak Jujur dan Menipu	Asrama Rumah	85 215	1.247 1.148	.521 .409	1.559	.122
Ponteng Dan Lari	Asrama Rumah	85 215	1.569 1.284	.475 .455	4.825	.000**
Jenayah Seks	Asrama Rumah	85 215	1.147 1.174	.205 .435	-.738	.461
Keseluruhan	Asrama Rumah	85 215	1.567 1.300	.361 .385	.553	.000**

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.13 Perbandingan Skor min bagi semua aspek tingkahlaku kenakalan menunjukkan nilai-t 0.553 dan kebarangkalian p=0.000 0.05 (p<0.05). Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama ditolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku

kenakalan antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Skor min bagi semua aspek tingkahlaku kenakalan pelajar asrama ($\text{min}=1.567$) lebih tinggi daripada pelajar pelajar bukan asrama ($\text{min}=1.300$). Ini bermakna penglibatan pelajar asrama dalam keseluruhan aspek tingkahlaku kenakalan lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Analisis yang lebih terperinci mendapati nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah ialah 1.088 dan kebarangkalian $p=0.277$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi tingkahlaku kenakalan jenayah antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap penglibatan yang sama.

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku lucah menunjukkan nilai-t 1.776 dan kebarangkalian $p=0.088$ ($p<0.05$). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi tingkahlaku lucah antara pelajar asrama dan bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap penglibatan dalam tingkahlaku lucah yang sama.

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kekemasan diri menunjukkan nilai-t 4.354 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar aspek kekemasan diri antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam

lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza dalam aspek kekemasan diri. Skor min tingkahlaku tidak kemas diri pelajar asrama ($\text{min}=1.819$) lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama ($\text{min}=1.481$). Ini bermakna penglibatan pelajar asrama dalam aspek tidak kemas diri adalah lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak mementing masa menunjukkan nilai-t 8.008 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek tidak mementingkan masa antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza. Skor min aspek tidak mementingkan masa pelajar asrama ($\text{min}=2.409$) lebih tinggi daripada pelajar pelajar bukan asrama ($\text{min}=1.585$). Ini bermakna penglibatan pelajar asrama dalam aspek tidak mementingkan masa lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab menunjukkan nilai-t 4.771 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan bukan asrama mempunyai tahap tingkahlaku kenakalan yang berbeza dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab. Skor min aspek kurang sopan dan biadab pelajar asrama ($\text{min}=1.724$) lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama

(min=1.374). Ini bermakna penglibatan pelajar Asrama dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah menunjukkan nilai-t 5.679 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap tingkahlaku musnah yang berbeza. Skor min aspek tingkahlaku musnah pelajar asrama (min=1.532) manakala skor min pelajar pelajar bukan asrama (min=1.617). Ini bermakna penglibatan pelajar bukan asrama dalam tingkahlaku musnah lebih tinggi daripada pelajar yang tinggal di asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak jujur dan menipu menunjukkan nilai-t 1.559 dan kebarangkalian $p=0.122$ ($p<0.05$). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak jujur dan menipu antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap tingkahlaku tidak jujur dan menipu yang sama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah menunjukkan nilai-t 4.825 dan kebarangkalian $p=0.000$ ($p<0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam aspek ponteng dan lari dari rumah antara pelajar

asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama mempunyai tahap ponteng dan lari dari rumah yang berbeza. Skor min aspek ponteng dan lari dari rumah pelajar asrama ($\text{min}=1.569$) iaitu lebih tinggi daripada pelajar pelajar bukan asrama ($\text{min}=1.284$). Ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar asrama dalam ponteng dan lari dari rumah lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Nilai-t bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku seks menunjukkan nilai-t 0.738 dan kebarangkalian $p=0.461$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek jenayah seks antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam lain perkataan pelajar asrama dan pelajar pelajar bukan asrama mempunyai tahap jenayah seks yang sama.

Pada keseluruhannya, terdapat perbezaan dalam lima daripada sembilan aspek tingkahlaku kenakalan iaitu tingkahlaku kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidakjujur dan menipu dan tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah. Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama. Dalam aspek kekemasan diri, Tidak mementingkan masa, aspek kurang sopan dan biadap, ponteng dan lari dari rumah menunjukkan tahap kenakalan pelajar asrama lebih tinggi. Dalam tingkahlaku musnah pelajar bukan asrama lebih tinggi.

4.7.4 Perbandingan Tahap Kenakalan Pelajar Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa.

Jadual 4.14 menunjukkan perbandingan skor min tahap tingkahlaku kenakalan mengikut tahap pendapatan ibu bapa bagi menjawab hipotesis bagi setiap aspek berikut; iaitu tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan tingkahlaku seks.

- Ho.8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

JADUAL 4.14: Keputusan Ujian ANOVA Satu-Hala Perbandingan Tahap Kenakalan Bagi Pelajar Yang Ibu Bapanya Berpendapatan Rendah, Sederhana dan Tinggi.

Aspek Kenakalan	Tahap Pendapatan Ibu Bapa	Min	Skor-F	P
Tingkahlaku Jenayah	Rendah	1.203	.721	.487
	Sederhana	1.257		
	Tinggi	1.256		
Tingkahlaku Lucah	Rendah	1.247	1.270	.282
	Sederhana	1.350		
	Tinggi	1.333		
Kekemasan diri	Rendah	1.526	.780	.459
	Sederhana	1.622		
	Tinggi	1.600		
Tidak Mementing Masa	Rendah	1.670	4.009	.019*
	Sederhana	1.840		
	Tinggi	2.074		
Kurang Sopan Dan Biadab	Rendah	1.413	2.855	.059
	Sederhana	1.466		
	Tinggi	1.645		
Tingkahlaku Musnah	Rendah	1.207	1.867	.156
	Sederhana	1.304		
	Tinggi	1.329		
Tidak Jujur dan Menipu	Rendah	1.151	.656	.520
	Sederhana	1.780		
	Tinggi	1.253		
Ponteng dan lari dari rumah	Rendah	1.301	2.053	.130
	Sederhana	1.407		
	Tinggi	1.235		
Jenayah Seks	Rendah	1.147	.381	.684
	Sederhana	1.190		
	Tinggi	1.162		
Semua Aspek	Rendah	1.321	2.393	.093
	Sederhana	1.401		
	Tinggi	1.450		

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Berdasarkan jadual 4.14, skor min bagi keseluruhan aspek tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.321, ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.401 dan bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi ialah 1.450. Nilai-F bagi perbandingan skor min bagi pelbagai peringkat pendapatan keluarga ialah 2.393 dan kebarangkalian $p=0.093$ ($p>0.05$). Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi diterima. Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana atau tinggi terlibat dalam tingkahlaku kenakalan adalah sama.

Analisis secara terperinci mendapati skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.670, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.840 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 2.704. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa ialah 4.009 dan kebarangkalian $p=0.034$ ($p<0.05$). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek tidak mementingkan masa dari pelbagai tahap pendapatan ibu bapa. Untuk melihat perbandingan tahap kenakalan pelajar basarkan tahap pendapatan ibu bapa, ujian Scheffe dilakukan. (jadual 4.15)

JADUAL 4.15: Keputusan Ujian Scheffe Perbandingan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Tingkahlaku Kenakalan Bagi Pelajar Yang Ibu Bapanya Berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

Tahap Pendapatan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Rendah			
Sederhana			
Tinggi	*		

* Signifikan pada alpha .05

Berdasarkan jadual 4.15, terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa antara pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi. Skor min tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak mementingkan masa bagi pelajar yang ibu bapanya pendapatan tinggi ialah 2.074 iaitu lebih tinggi daripada skor min pelajar yang ibu bapa berpendapatan rendah 1.670. Ini bermakna pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi terlibat dalam tingkahlaku tidak mementingkan masa adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah. Tidak terdapat perbezaan dalam tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak mementingkan masa bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah dengan pelajar yang ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan tinggi.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.203, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.257 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 2.256. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar

dalam tingkahlaku jenayah ialah 0.721 dan tahap signifikan ialah $p=0.487$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari aspek tingkahlaku lucah bagi pelajar dari semua tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam tingkahlaku jenayah adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku lucah bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.247, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.350 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.333. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku lucah ialah 1.270 dan kebarangkalian $p=0.282$ ($p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar bagi aspek tingkahlaku lucah bagi pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam tingkahlaku lucah adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak kemas diri bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.526, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.622 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.600. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak kemas diri ialah 0.780 dan tahap signifikan ialah $p=0.459$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari aspek kekemasan diri bagi pelajar dari pelbagai tahap

pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam aspek tidak kemas diri adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kurang sopan dan biadab bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.413, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.466 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.646. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam aspek kurang sopan dan biadab ialah 2.855 dan kebarangkalian $p=0.059$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam aspek kurang sopan dan biadab adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.207, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.304 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.329. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku musnah ialah 1.867 dan kebarangkalian $p=0.156$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam tingkahlaku musnah adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku tidak jujur dan menipu bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.151, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.780 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.253. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam aspek tidak jujur dan menipu ialah 0.656 dan kebarangkalian $p=0.520$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam aspek tidak jujur dan menipu adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.301, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.407 dan bagi ibu bapa berpendapatan tinggi ialah 1.235. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam aspek ponteng dan lari dari rumah ialah 2.053 dan kebarangkalian $p=0.130$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah adalah sama.

Skor min bagi penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah seks bagi pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah ialah 1.147, bagi ibu bapa yang berpendapatan sederhana ialah 1.190 dan bagi ibu bapa berpendapatan

tinggi ialah 1.162. Nilai-F bagi perbandingan skor min tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku jenayah seks ialah 0.381 dan kebarangkalian $p=0.684$ ($p>0.05$). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan pelajar dari pelbagai tahap pendapatan. Dalam lain perkataan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi terlibat dalam aspek jenayah seks adalah sama.

Pada keseluruhannya, hanya aspek tidak mementingkan masa menunjukkan tahap perbezaan yang signifikan. Aspek lain seperti tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, tingkahlaku kekemasan diri, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu dan tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan ibu bapa.

4.8 Kolerasi Antara Gangguan Emosi Dengan Tingkahlaku Kenakalan

Jadual 4.16 menunjukkan kolerasi antara punca gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi menjawab hipotesis bagi setiap faktor berikut, iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran.

JADUAL 4.16: Kolerasi Antara Punca Gangguan Emosi Dengan Tingkahlaku Kenakalan

Punca Gangguan Emosi	Bilangan	Nilar p	Nilai r
Punca Peribadi	N= 300	.015	.141**
Ibu Bapa Dan Keluarga	"	.004	.167**
Akhhlak Dan Agama	"	.003	.171**
Rakan Sebaya	"	.001	.197**
Akademik dan sekolah	"	.000	.251**
Persekutaran	"	.007	.156**
Semua faktor	"	.000	.243**

* Signifikan pada alpha 0.05

** Signifikan pada alpha 0.01

Jadual 4.16 menunjukkan Kolerasi punca gangguan emosi dengan tingkahlaku kenakalan menunjukkan nilai r = 0.243 (p=0.000). Terdapat kolerasi positif yang signifikan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Ini bermakna jika tahap gangguan emosi yang dihadapi oleh pelajar meningkat, maka tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan juga turut meningkat. Analisis yang lebih terperinci bagi setiap faktor menunjukkan nilai kolerasi antara tahap gangguan emosi dari faktor peribadi dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan ialah r = 0.141 (p=0.015), antara faktor ibu bapa dan keluarga dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan ialah r = 0.167 (p=0.004), antara faktor akhlak dan agama dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan ialah r = 0.171 (p=0.003), antara faktor rakan sebaya

dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan ialah $r = 0.197$ ($p=0.001$), antara faktor akademik dan sekolah dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan ialah $r = 0.251$ ($p=0.000$), antara faktor persekitaran dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan ialah $r = 0.156$ ($p=0.000$).

Berdasarkan dapatan punca gangguan emosi bagi semua faktor menunjukkan terdapat kolerasi positif yang signifikan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan. Ini bermakna jika tahap gangguan emosi yang dihadapi oleh pelajar meningkat, maka tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan juga turut meningkat.

4.9 Pembolehubah yang menjadi peramal Terbaik Dalam Menentukan Punca gangguan Emosi Yang Menyumbang Kepada Tingkah laku Kenakalan.

Bagi menentukan kesignifikan hubungan dan sumbangan varians daripada enam pembolehubah bebas iaitu faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan faktor demografi iaitu pendapatan keluarga terhadap jumlah varians penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan (pembolehubah bebas), hipotesis nol dibentuk.

Ho.10. Semua koefisien regresi bagi faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan pendapatan keluarga adalah sifar bila disandar dengan kenakalan remaja.

Jadual 4.17 dan 4.18 di bawah menunjukkan keputusan regresi berganda langkah demi langkah "stepwise" yang melibatkan enam pembolehubah bebas ke atas pembolehubah bersandar iaitu kenakalan pelajar. Hanya dua daripada pembolehubah berkenaan telah menunjukkan kolerasi dan sumbangsan yang signifikan ($p<0.05$) terhadap jumlah varians tingkahlaku kenakalan pelajar.

JADUAL 4.17: Analisis Regresi Berganda (Stepwise) Bagi Pembolehubah Bersandar Yang Menyumbang Kepada Tingkahlaku Kenakalan.

Pemboleh Ubah (X)	B	Beta (β)	T	Sig.T	R	Sumbangan
Akademik Dan Sekolah	0.167	0.261	4.677	0.000	0.063	6.3%
Tahap Pendapatan	0.030	0.140	2.514	0.012	0.082	1.09%
Konstant	0.833		7.758	0.000		

JADUAL 4: 18: Analisis Varians

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	P
Regresi	3.866	2	1.933	13.320	0.000
Residul	43.105	297	0.145		
Jumlah	46.971	299			

Analisis berganda (stepwise) pada jadual 4.17 dan 4.18 menunjukkan bahawa pembolehubah akademik dan sekolah dan pendapatan ibu bapa adalah peramal yang mempunyai kolerasi dan sumbangsan (8.20%) dan kebarangkalian ($p<0.05$) terhadap tingkahlaku pelajar.

Peramal utama dan tertinggi terhadap tingkahlaku kenakalan ialah faktor akademik dan sekolah ($\beta=0.261$, $T=4.677$ dan $Sig.t=0.000$) dan sumbangan sokongan 6.3 % peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor min bagi akademik dan sekolah bertambah sebanyak satu unit, tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bertambah sebanyak 0.215 unit. Manakala peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 1.9 peratus terhadap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan ialah tahap pendapatan keluarga ($\beta=0.140$, $T=2.514$, dan $Sig. t= 0.012$). Dalam lain perkataan, apabila skor min bagi masalah pendapatan bertambah 1 unit, maka ia menyumbang kepada tingkahlaku kenakalan sebanyak 0.140 unit.

Analisis varians mendapat nilai $F=13.320$ (DK2,299) dan tahap signifikan $p=0.000$ ($p<0.05$). Nilai $R^2 = 0.082$ menunjukkan sumbangan keseluruhan dua pembolehubah bebas iaitu faktor akademik dan sekolah dan faktor pendapatan keluarga adalah sebanyak 8.2 peratus terhadap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Secara amnya sumbangan keseluruhan dua pembolehubah bebas yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan dan persamaan regresi yang terbentuk adalah seperti berikut.

$$Y = 0.833 + 0.167X + 0.030X + 0.2514$$

Di mana:

Y = Tingkahlaku jenayah

X = Faktor Akademik Dan Sekolah

X = Tahap Pendapatan

Konstant = 0.833

Ralat Piawai = 0.2514

Justru itu kuasa yang menerangkan model regresi berganda dengan menggunakan kaedah 'stepwise' mendapat hanya dua pembolehubah bebas yang mempunyai kolerasi, menyumbang dan memberi kesan kepada penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Ini bermakna hipotesis nol yang menyatakan semua koefisien regresi bagi faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah, persekitaran dan pendapatan keluarga adalah sifar bila disandar dengan kenakalan remaja adalah tidak benar dan ditolak. Oleh itu terdapat dua pembolehubah bebas iaitu faktor akademik dan sekolah dan faktor pendapatan keluarga mempunyai kolerasi, menyumbang dan memberi kesan terhadap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan.